

# Peneroka buka tanah sendiri

30/6/1985

**KOTA TINGGI, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mahukan Felda memberikan kerja-kerja awal pembukaan tanah rancangan, seperti membersihkan kawasan dan penyediaan tapak kepada peneroka-peneroka sendiri.**

Tegas Perdana Menteri, tindakan tergesa-gesa dalam usaha kerajaan memenuhi permintaan rakyat yang dahagakan tanah sendiri sebelum merdeka dulu telah menyebabkan kontraktor mengaut keuntungan yang berganda.

Oleh itu, beliau mahu Felda mengubah corak pembukaan tanahnya dengan menjemput peneroka menyertai rancangan itu, dari peringkat awal, dengan memberikan kerja-kerja awal kepada mereka.

Berucap di hadapan lebih 10,000 peneroka sempena lawatan rasminya ke Felda Air Taraw Dua dekat sini pagi ini beliau berkata Felda kini menjadi sebuah estet terbesar di dunia dengan keluasan tanahnya lebih 400,000 hektar. Bagaimanapun, sebahagian besar perbelanjaan pembangunan tanah itu dinikmati oleh kontraktor.

"Menyedari hakikat ini, Felda kini harus menukar corak pemberian kerja awalan dengan menawarkan kerja-kerja itu kepada para pene-

Oleh SHAHARUDIN LATIF

roka dan dibayar gaji sama seperti yang dibayar kepada kontraktor," ujarnya.

Perdana Menteri juga mahukan agar Felda tidak hanya bergantung kepada satu atau dua tanaman saja kerana sejarah telah membuktikan, penggantungan kepada satu atau dua bahan tidak menjamin masa depan negara, lebih-lebih lagi di kalangan peneroka.

"Kita telah bergantung untuk sekian lamanya kepada hasil getah sehinggalah pada satu ketika, kita terlalu yakin dunia tidak dapat lari daripada menggunakan getah," tegasnya.

Menurut beliau, rakyat pernah menganggap tanpa getah pelbagai sektor, termasuk pembuatan tayar akan terjejas. Bagaimanapun, berikutan kenaikan harga bahan itu yang terlalu tinggi, menyebabkan negara-negara maju menggunakan getah tiruan, sehingga akhirnya merugikan negara.

"Keadaan yang sama akan berlaku jika kita terus bergantung kepada satu atau dua sumber lain seperti petroleum," tegasnya.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan telah membuat kaji selidik untuk mencari pelbagai sumber lain, termasuk jenis tanaman yang boleh menguntungkan negara. Beliau berharap agar pada satu ketika nanti Felda akan memberi tumpuan kepada tanaman-tanaman lain

yang boleh menguntungkan.

Kepada para peserta Felda, Perdana Menteri menasihati

kan agar mereka menggunakan sepenuhnya tanah yang ada untuk kepentingan dan kemajuan negara.

"Sekarang masih ada kawasan yang terbiar, tidak diusahakan oleh pihak berkenaan, sedangkan negara kini semakin kekurangan tanah, lebih-lebih lagi untuk perladangan," ujarnya.

Dari itu, tambah beliau, rakyat, terutama peneroka harus menggunakan sumber-sumber yang ada, seperti tanah sempit untuk kemajuan mereka, sekurang-kurangnya bagi mengurangkan beban perbelanjaan.

Perdana Menteri berterima kasih kepada para peneroka kerana usaha gigih dan tanpa jemu mereka telah menyebabkan negara menikmati hasil yang lumayan, terutama hasil daripada rancangan Felda.